

## FAQ

### 1. Berapa banyak pengurangan yang diberikan oleh Universiti untuk semester 2 Sesi 2019/2020?

Universiti telah meluluskan:

- i. Pengurangan yuran perkhidmatan Semester 2 2019/2020 sebanyak RM105 kepada pelajar prasiswazah
- ii. Pengurangan yuran perkhidmatan sebanyak RM93 kepada pelajar pascasiswazah.
- iii. Pengecualian Yuran Khas Kolej sebanyak RM50
- iv. Yuran penginapan hanya dikenakan sehingga 17 Mac 2020

### 2. Mengapa yuran saya tidak sama dengan rakan saya yang lain walaupun dalam program yang sama?

- i. Jumlah pelarasan adalah sama bagi setiap pelajar seperti perkara 1.
- ii. Perbezaan yuran antara pelajar boleh berlaku disebabkan faktor seperti dibawah:
  - a. Perbezaan jumlah yuran yang dibayar oleh pelajar bagi semester lepas. Contoh kes:

<b>Yuran Asal - Sem 2 2019/2020</b>	
Yuran pengajian	RM890.00
Yuran penginapan	RM512.00
<b>A : Jumlah yuran</b>	<b>RM1,402.00</b>
<b>Pengurangan Yuran yang diluluskan - Sem 2 2019/2020</b>	
Yuran perkhidmatan	RM105.00
Yuran penginapan	RM332.50
Yuran khas kolej	RM50.00
<b>B : Jumlah pelarasan</b>	<b>RM487.50</b>
<b>Jumlah yuran selepas pengurangan (A-B)</b>	<b>RM914.50</b>

Pelajar	Bayaran oleh pelajar	Jumlah yuran selepas pengurangan (A-B)	Baki bayaran dibawa ke sem 1 20/21	Yuran Sem 1 20/21	Baki yuran sem 1 20/21
Ahmad	<b>1,069.50</b>	914.50	-155.00	890.00	<b>735.00</b>
Fatimah	<b>1,402.00</b>	914.50	-487.50	890.00	<b>402.50</b>

**3. Dimana saya hendak menyemak pengurangan yang telah dibuat?**

Pengurangan yuran ini boleh disemak di portal ekewangan.

**4. Bilakah amaun sebenar yuran ini boleh dilihat?**

Amaun sebenar yuran dijangka boleh dilihat selepas proses pelarasan pengurangan selesai kerana Jabatan Bendahari sedang berusaha mempercepatkan proses pelarasan yang melibatkan bilangan tinggi.

**5. Adakah universiti akan bayar semula pengurangan yuran tersebut kepada saya?**

- i. Bayaran balik tidak akan dibuat tetapi lebihan bayaran tersebut akan dibawa ke semester hadapan bagi pelajar yang belum tamat pengajian.
- ii. Bagi pelajar berstatus Konvokesyen, bayaran balik lebihan yuran akan dibuat secara berperingkat selepas mengambikira semua hutang pelajar.

**6. Adakah pengurangan akan diberi untuk yuran sem 1 2020/2021?**

Cadangan pengurangan yuran perkhidmatan sedang dibawa kepada pihak LPU untuk kelulusan.

**7. Adakah amaun pembiayaan PTPTN akan menolak yuran pengajian untuk semester semasa?**

- i. Bagi pembiayaan PTPTN yang diterima oleh Universiti sebelum 6/11/2020, amaun keseluruhan pembiayaan dibayar penuh kepada pelajar. Pelajar diminta membayar sendiri yuran melalui portal ekewangan.
- ii. Bagi pembiayaan PTPTN yang diterima oleh Universiti selepas 6/11/2020, bayaran balik kepada pelajar akan menolak yuran pengajian.

**8. Adakah lebihan bayaran daripada pelarasan pengurangan akan dibayar kepada pelajar yang mempunyai tajaan?**

Bayaran balik pengurangan yuran tidak akan diberi kepada pelajar dan akan dibayar terus pada pihak penaja.